

**Peranan Dan Sumbangan Al-Jahiz Dalam Perkembangan Ilmu
Balaghah Arab. Kajian Ke Atas Buku *Al-Bayan Wa Al-Tabyin
Dan Al-Hayawan*
(*The Role and Contribution of Al-Jahiz in The Development of
Arabic Balaghah Knowledge: A Study of Al-Bayan Wa Al-Tabyin
and Al-Hayawan*)**

Sulaiman bin Ismail¹
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Artikel ini mengupas usaha-usaha pengelasan ilmu Balaghah Arab pada peringkat awal perkembangannya dengan memberikan fokus kepada peranan yang telah dimainkan oleh al-Jahiz melalui dua buah kitabnya al-Bayan wa al-Tabyin dan al-Hayawan sehingga mencetuskan gerakan pembinaan dan pengelasan disiplin-disiplin ilmu Balaghah di kalangan para sarjana selepasnya. Pandangan dan pemerhatian balaghahnya terhadap syair dan prosa Arab telah banyak membantunya mencipta dan memperkenalkan istilah dan nama bahagian-bahagian tertentu dalam ilmu Balaghah sehinggalah lahir pembahagian disiplin ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' dalam istilah Balaghah moden hari ini.

Kata kunci: balaghah Arab, pengelasan al-ma'ani, al-bayan dan al-badi', al-Jahiz.

Abstract

This article discusses works on the classification of Arabic rethoric at early stage of its development focusing on the role contributed by al-Jahiz through his two famous books, namely al-Bayan wa al-Tabyin and al-Hawayan which had triggered some movements among Arab scholars after him to engage actively in the classification of Arabic rethoric. Through his observations and studies on Arabic poems and prose, he managed to introduce particular terms and categories in rethoric that brought to the emergence of al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' classification as what we find in the modern Arabic rethoric books today.

Keywords: Arabic rethoric, al-ma'ani, al-bayan dan al-badi' classification, al-Jahiz.

¹ Corresponding author : Sulaiman bin Ismail, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail : sulaiman.i@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Artikel ini akan membincangkan secara terperinci peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh al-Jahiz dalam membawa pengenalan dan penjelasan serta huraian berkaitan beberapa perkara baru dalam bidang retorika yang seterusnya membawa kepada perkembangan ilmu Balaghah.

Jalan yang dilalui oleh ilmu Balaghah hingga menjadi satu disiplin ilmu yang lengkap tidak semudah seperti yang dilihat tersusun dalam pelbagai buku karangan sarjana-sarjana Arab hari ini. Jika kini pengkaji Balaghah cuma perlu mengkaji kaedah-kaedah sedia ada yang terkandung di dalam ilmu *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'* untuk mengetahui dan memahami ilmu Balaghah Arab; keadaan ini adalah jauh berbeza dengan pengkaji dan sarjana Arab terdahulu.

Ilmu Balaghah tidak tersusun seperti yang didapati hari ini, malah istilah-istilah yang terdapat di dalam setiap cabang ilmu ini tidak pernah wujud. Namun berkat usaha dan pengamatan yang dibuat oleh para sarjana terdahulu terhadap syair dan prosa Arab, mereka telah dapat mencipta dan mewujudkan pelbagai istilah baru dan kaedah tertentu dalam bidang ini.

Usaha sedemikian tidak semudah yang digambarkan kerana ia memerlukan ilmu yang luas, kegigihan dan kesabaran. Dalam konteks ini al-Jahiz adalah antara cendekiawan Arab pertama memiliki ciri-ciri tersebut yang dapat melihat nilai-nilai dan unsur-unsur Balaghah yang terkandung dalam syair dan prosa Arab. Meskipun beliau tidak meletakkan takrif dan kaedah, namun beliaulah yang banyak memberikan istilah-istilah Balaghah yang digunakan hingga ke hari ini. Pengamatan Balaghah yang dilakukannya disokong dengan contoh-contoh, banyak membuka jalan yang lebih luas kepada generasi selepasnya untuk mengkaji secara lebih mendalam bidang Balaghah ini.

Artikel ini dibahagikan kepada mukadimah yang memberikan senario ringkas Balaghah dan perintis pertama yang membuka jalannya. Diikuti dengan sorotan khusus tentang riwayat hidup al-Jahiz dan sumbangannya dalam ilmu pengetahuan. Ini diikuti dengan perbincangan tentang sumbangan Al-Jahiz dalam ilmu Balaghah berpandukan kajian ke atas dua buah kitabnya yang terkenal iaitu *al-Bayan wa al-Tabayin* dan *al-Hayawan*. Perbincangan tertumpu kepada tiga bahagian utama ilmu balaghah iaitu ilmu *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'* seperti yang dinyatakan oleh al-Jahiz melalui buku-buku karangannya itu. Artikel ini diakhiri dengan penutup yang menyimpulkan tentang pengakuan ulamak tentang ketokohan Al-Jahiz dalam bidang ini.

AL-JAHIZ DAN ILMU BALAGHAH

Al-Jahiz adalah satu nama yang tidak asing lagi bagi sarjana dan pengkaji Bahasa Arab. Nama ini lebih dikenali lagi di kalangan pengkaji ilmu Balaghah khususnya, kerana sumbangannya yang begitu besar di dalam perkembangan Balaghah dan sastera Arab.

Nama sebenar beliau ialah ʿAmru bin Bahr bin Mahbub, Abu ʿUthman Al-Jahiz, seorang pengarang yang memiliki kebolehan berucap dengan baik, dan begitu juga dengan penulisannya. (al-Khatib al-Baghdadi, jld. 12, t.t.). Beliau dilahirkan di Basra dan dibesarkan di sana yang merupakan pusat ilmu pengetahuan dan sastera Arab. Sejak kecil beliau telah menunjukkan minat mendalam dalam mempelajari sesuatu ilmu. Tidak hairanlah jika kita melihat dia mempelajari bahasa dan ilmu periwayatan dari ulamak-ulamak besar bahasa seperti Abu ʿUbaidah dan Usmuʿi. Di samping itu, dia juga telah mempelajari ilmu teologi daripada Abu Ishak al-Nazzam salah seorang ulamak kalam Muʿtazilah. (al-Zayyat, 1978).

Persekitaran Basrah yang luas tidak dapat menahan al-Jahiz daripada berpindah ke Baghdad, ibu negara Islam waktu itu. Ini kerana ramai para cendekiawan dan ahli ilmu berada di sana. Bandar ini bukan hanya pusat kegiatan ekonomi malah ia juga adalah pusat kegiatan ilmu dan sastera. Al-Jahiz telah mengambil peluang ini untuk memperluaskan lagi ilmunya. (Jabar, 1958).

Al-Jahiz semakin dikenali ramai di kota Baghdad dan disegani oleh khalifah al-Maʿmun yang merupakan khalifah Bani Abbasiyah yang ketujuh (786-833M). Beliau begitu meminati dan mencintai ilmu pengetahuan sama seperti bapanya Harun al-Rashid. Khalifah al-Maʿmun begitu tertarik dengan karangan al-Jahiz tentang “kepimpinan” yang diletakkan di awal *Diwan al-Rasil* karangannya. Ini mendorong Khalifah al-Maʿmun melantiknya menjadi kadi. Namun kerana sifat semulajadinya yang mendalam dalam bidang penulisan, jawatan itu cuma disandang dalam masa tiga hari sahaja. Selepas kemangkatan al-Maʿmun, beliau mendampingi Ibnu Al-Zayyat seorang menteri pada waktu itu. Dalam masa yang sama beliau banyak menulis berbagai bidang dan disiplin ilmu. Sewaktu Abu Daud menjadi kadi, al-Jahiz telah menulis kitab *al-Bayan wa al-Tabyin* yang merupakan buku pertama membahaskan dan meletakkan beberapa istilah ilmu Balaghah. Abu Daud telah menganugerahkan kepadanya sebanyak 5,000 dinar hasil daripada penulisan buku tersebut. (Jabar, 1958).

Al-Jahiz dilahirkan dalam keadaan yang hodoh, mukanya jelik dan mempunyai dua biji mata yang menonjol keluar. Keadaan matanya itu membuatnya diberi gelaran al-Jahiz yang bermakna (yang menonjol keluar). (al-Zayyat, 1978). Gelaran ini memang tidak menyenangkannya dan merasa benci dengan gelaran tersebut. Malah dia cuba menanamkan dalam pemikiran orang ramai bahawa namanya ialah ʿAmru dan dia suka dipanggil dengan nama itu. (Jabar, 1958).

Diceritakan bahawa al-Mutawakkil, khalifah Bani Abbasiah yang ke sepuluh (821-861M) telah mendengar kedudukan tinggi al-Jahiz dalam bidang ilmu pengetahuan. Lalu baginda menjemputnya ke istana untuk mendidik anak-anak baginda. Namun apabila terlihat rupa al-Jahiz yang menjijikkan itu, baginda membatalkan niatnya dan memerintah agar diberikan kepada al-Jahiz sebanyak 10 ribu dirham lalu dia diperintahkan keluar dari istana. (al-Zayyat, 1978 & Jabar, 1958).

Walaupun memiliki wajah yang hodoh, al-Jahiz seorang yang berjiwa halus, pintar, mempunyai perwatakan yang lucu dan jujur dalam pergaulan. (al-Zayyat, 1978). Dia mempunyai banyak cerita menarik yang membuatkan orang ramai sentiasa mendampingiya untuk mendengar cerita-cerita lucunya. (Jabar, 1958).

Tidak hairanlah jika al-Jahiz kaya dengan ilmu pengetahuan kerana minatnya yang mendalam terhadap ilmu. Ramai sarjana Arab yang mengakui hakikat ini, antaranya Ahmad Hasan al-Zayyat yang pernah berkata :

“Beliau mempunyai keistimewaan lebih daripada rakannya kerana mempunyai ilmu yang banyak, hujah yang kuat, kajian yang mendalam dan ungkapan retorik. Dia juga mahir dalam ilmu teologi yang dicampur adukkan dengan falsafah Yunani. Dia mempunyai mazhab tersendiri dalam ilmu ini dan mempunyai ramai pengikut yang bergelar Jahiziah”.

(al-Zayyat, 1978)

Amat sedikit sasterawan yang dapat menulis seperti al-Jahiz. Penglibatannya yang serius dalam bidang penulisan banyak membantunya untuk menghasilkan ratusan buku yang mencangkupi berbagai aspek ilmu. Faktor utamanya ialah dia memiliki ensiklopedia ilmu yang membolehkannya menulis di dalam setiap cabang ilmu, seperti sastera, agama, falsafah dan ketuhanan yang amat masyhur di zamannya. (Jabar, 1958). Ini sekali gus menjadikan namanya terpahat sebagai salah seorang sarjana Arab yang begitu tersohor dan dikenali dari zamannya hinggalah ke hari ini.

‘Abd. al-Salam Muhammad al-Hazm, pentahqiq kitab *al-Hayawan* menyatakan buku-buku karangan al-Jahiz lebih kurang 360 buah yang meliputi pelbagai cabang ilmu pengetahuan. (al-Jahiz, al-Hayawan, t.t.). Pendapat ini juga disokong oleh pandangan Ibnu al-Jauzi yang mengatakan buku-buku al-Jahiz mencecah angka 360 buah. (Jabar, 1958).

Namun tidak kesemua buku-buku tulisan al-Jahiz dapat ditemui dan dicetak untuk tatapan dan kajian generasi selepasnya. Mungkin buku-buku tersebut banyak yang telah hilang ataupun dimusnahkan sewaktu umat Islam menghadapi zaman kacau bilau politik dan kemunduran ilmu pada zaman akhir Pemerintahan Bani ‘Abbasiah. (al-Jahiz, t.t.).

Antara bukunya yang dapat diterbitkan ialah kitab *Al-Bayan wa al-Tabyin* dalam bidang sastera, karangan dan pidato, kitab *al-Hayawan* merupakan buku berbahasa Arab pertama dalam tajuknya (binatang), kitab *al-Mahasin wa al-Addad*, kitab *al-Bukhala*, dan *Diwan Rasailnya*. Juga ada diterbitkan *Risalah al-Tarbi^h wa al Tadwir* yang membincangkan berbagai persoalan dan permasalahan sejarah, falsafah, kimia, ketuhanan, haiwan, botani dan sebagainya. (al-Khatib al-Baghdadi, t.t. & Jabar, 1958)

Usianya yang panjang banyak dihabiskan dalam usaha mengumpul dan menyusun ratusan buku ilmiah untuk tatapan dan kajian generasi selepasnya. Dirwayatkan dalam kitab *al-Jahiz wa Mu^hjtama^h c^hAsrih dan Tarikh Baghdad*, al-Jahiz diserang sakit angin ahmar pada pertengahan akhir hayatnya. Dalam tempoh tersebut pena menjadi sahabat karibnya. Dia lebih banyak mengarang kitab dan membaca buku. Antara buku terakhir yang dikarangnya ialah kitab *al-Hayawan* sebanyak tujuh jilid.

Pada saat-saat akhir hayatnya, dia tidak lagi mampu menulis dan membaca. Dikatakan bahawa buku-buku yang ada di sekelilingnya runtuh menimpa dirinya membawa kepada kematiannya pada tahun 255 H.

FAKTOR KEMUNCULAN ILMU BALAGHAH

Al-Jahiz hidup pada akhir kurun ke-2 Hijrah dan awal kurun ke-3 yang merupakan zaman kegemilangan ilmu dan era asimilasi kaum yang meluas antara bangsa Arab, Parsi, India, Greek dan Yunani. Fenomena ini telah membantu mewujudkan satu suasana baru dalam corak pemikiran dan sosial waktu itu, ditambah lagi dengan sikap toleransi Khalifah Harun al-Rasyid dan al-Ma'mun yang begitu meminati ilmu pengetahuan dan memberi kedudukan istimewa kepada alim ulama. Layanan istimewa daripada pemerintah telah menjadi faktor utama menarik perhatian ramai cendekiawan datang menetap di Baghdad.

Pada zaman al-Ma'mun, lahir mazhab baru dalam bidang teologi, iaitu mazhab Mu'tazilah. Al-Jahiz merupakan salah seorang dari ahli kalam yang menganut mazhab ini. Mazhab Mu'tazilah banyak berpegang kepada dalil akal di samping menggunakan falsafah Yunani dan mantik Aristotle. Pada zaman inilah perhatian yang lebih diberikan terhadap nilai-nilai Balaghah di dalam setiap ucapan terutamanya di kalangan puak Mu'tazilah demi untuk menarik minat orang ramai kepada mazhab baru ini yang menjadi mazhab rasmi pada zaman al-Ma'mun. (Jabar, 1958 & al-Yasu'i, 1964).

Hasil daripada perkembangan ini yang membawa kepada perhatian dan tumpuan yang lebih ke atas unsur-unsur keindahan bahasa telah menyemarakkan lagi kemunculan dan penggunaan Balaghah di kalangan ahli kalam Mu'tazilah dan masyarakat Arab pada waktu tersebut. Ini secara tidak langsung telah mendorong ramai sarjana khususnya al-Jahiz untuk lebih

memberikan perhatian dan tumpuan untuk mengkaji unsur-unsur Balaghah yang terkandung di dalam syair dan prosa Arab. Kitabnya *al-Bayan wa al-Tabyin* dan *al-Hayawan* merupakan bukti jelas kelahiran ilmu Balaghah pada waktu itu.

BALAGHAH PADA PANDANGAN AL-JAHIZ

Perbincangan secara mendalam tentang Balaghah adalah merupakan satu fenomena ilmu baru yang telah dirintis oleh al-Jahiz. Pada mulanya Balaghah tidak terpecah kepada tiga bahagian seperti yang kita ketahui pada hari ini. Al-Jahiz dianggap sebagai pengasas kepada ilmu Bayan Arab sebagaimana yang diakui oleh Taha Hussien sewaktu beliau memperkatakan tentang *al-Bayan wa al-Tabyin*. Ini kerana di dalam buku tersebut al-Jahiz banyak memperkatakan tentang masalah-masalah Balaghah yang kemudiannya telah menjadi kaedah kukuh bagi generasi selepasnya.

Dalam buku *al-Bayan wa al-Tabyin*, al-Jahiz memberikan pandangannya tentang ungkapan yang boleh dianggap sebagai ungkapan retorik. Dalam membincangkan hal ini beliau banyak membawa contoh syair dan prosa yang menunjukkan pandangannya tentang tahap-tahap Balaghah, bahagian ilmu Bayan dan *Fasahah*. Di samping itu juga, beliau banyak membawa pandangan penulis-penulis lama dan baru yang sezaman dengannya tentang Balaghah. Antaranya di dalam kitab *al-Bayan wa al-Tabyin*, beliau menaalkan pendapat al-'Itabi bahawa "setiap orang yang dapat memahami maksudnya kepada kamu tanpa ulangan, tersekat atau menggunakan bantuan lain ia dianggap sebagai seorang ahli Balaghah." (al-Jahiz, t.t.).

Di samping itu juga, dia meriwayatkan dalam kitab tersebut takrif Balaghah pada pandangan orang Parsi, Yunan, Rom, dan India. (Abd. 'Aziz 'Atiq, 1985). Dia berkata seorang Parsi ditanya, apakah Balaghah? Dia menjawab; mengetahui fasal dan wasal. Kemudian seorang Yunani pula ditanya apakah dia Balaghah? Dia menjawab; memperbetulkan bahagian dan pemilihan percakapan. Seorang Rom pula ditanya, apakah Balaghah? Dia menjawab; bijak memilih di awalan dan banyak ucapan di waktu ketandusan. Seorang India pula ditanya, apakah Balaghah? Dia menjawab, dalil yang nyata, peluang yang diambil dan penampilan yang baik. (al-Jahiz, t.t.)

Dari sudut ini kita dapat melihat bagaimana al-Jahiz mengumpulkan pandangan bangsa Arab dan bangsa lain tentang erti Balaghah yang mampu membolehkannya untuk menjadi pelopor kepada ilmu Balaghah Arab. Hakikat ini diakui oleh salah seorang sarjana Arab yang berkata :

"Tidak keterlaluan jika kita mengatakan bahawa al-Jahiz adalah pengasas ilmu Balaghah Arab. Dia telah mengkhususkan buat kali pertamanya kitab al-Bayan wa al-Tabyin dan menyerapkan banyak pemerhatiannya dan orang-orang yang sezaman dengannya dalam

disiplin ilmu ini. Dia juga melihat zaman sebelumnya dengan menceritakan pandangan bangsa Arab dan bukan Arab. Dalam kitab al-Hayawan pula dia telah menganalisa beberapa bentuk al-bayan yang terdapat dalam al-Quran. Tidak syak lagi bukunya yang hilang Nazm al-Quran mengandungi banyak pengamatan Balaghahnya. Beliau tidak mencipta takrif yang terperinci melalui pengamatannya tetapi beliau menggambarkan takrif tersebut melalui berbagai-bagai contoh yang jelas untuk diikuti oleh generasi berikutnya.”

(Mohammad ‘Ali, 1989).

Kesemua pengamatan dan pemerhatiannya berkaitan ilmu balaghah boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu ilmu *al-Ma’ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi’*. Walaupun beliau tidak menempatkan ketiga-tiga bahagian ini dalam satu buku mengikut urutannya seperti yang diketahui dalam istilah ulamak Balaghah selepasnya, namun berdasarkan tulisannya dalam kedua-dua buah kitabnya itu telah banyak membantu para sarjana Balaghah selepasnya menyusun dan mengkategorikan ilmu Balaghah seperti yang ada pada hari ini.

ILMU AL-MA‘ANI (علم المعاني)

Berdasarkan mazhab Balaghahnya itu ulamak-ulamak telah mula meletakkan nama khusus bagi bidang yang mengkaji perkaitan makna ungkapan dan situasi penutur dan pendengar. Hasilnya lahirlah istilah ilmu *al-Ma’ani*, *al-Nazm* dan lain-lain lagi yang merujuk kepada disiplin ilmu bahagian ini. Dalam bidang ini al-Jahiz banyak membuka jalan apabila memperkatakan tentang :-

- i. Perkara-perkara yang berkaitan pertuturan dan cara berpidato.
 - ii. Keadaan penutur, gaya pertuturan dan bahasa yang digunakan.
 - iii. Kefasihan kalimah dan ungkapan bebas dari *tanafur al-huruf*, biasa digunakan dan mempunyai struktur nahu yang jelas kepada pemikiran pendengar.
 - iv. Menjaga kehendak situasi, kerana setiap tempat berkehendakkan ungkapan yang sesuai.
 - v. Pemilihan perkataan yang betul dengan keupayaan menggabungkannya di dalam susunan yang sesuai dengan kehendak sesuatu situasi.
- (Mohammad al-‘Ali, 1989)

Usaha ini telah membantu pakar-pakar Balaghah untuk terus mengkaji dan meletakkan kaedah lengkap tentang ilmu ini, antara mereka yang membincangkan ilmu ini secara terperinci berpandukan pandangan al-Jahiz adalah Imam ‘Abd Al-Qahir Al-Jurjaniy yang banyak membincangkan *al-nazm* di dalam bukunya *Dala’il al-I’jaz* dan Abu Hilal al-‘Asykari dalam kitab *Sirr al-Sina’atain*.

ILMU AL-BAYAN (علم البيان)

Al-Jahiz terlebih dahulu melangkah ke hadapan dalam pengamatan Balaghahnya apabila memperkatakan tentang *tasybih* (تشبيه) dan *isti'arah* (استعارة) melalui contoh-contoh yang dikemukakannya di samping memberikan perbezaan yang jelas antara kedua-duanya. (‘Atiq, 1985)

Penggunaan istilah ini telah dilakukan oleh al-Jahiz di dalam kitabnya *al-Bayan wa al-Tabyin*. Berkaitan ilmu *al-Bayan* ini beliau berkata ia adalah satu nama yang merangkumi setiap sesuatu yang boleh menyingkap makna dan memudahkan pendengar mengetahui hakikatnya seperti yang dimaksudkan penutur, kerana *al-Bayan* adalah untuk saling memahami antara dua pihak tentang sesuatu makna. (al-Jahiz, t.t.).

Dalam kitab *al-Hayawan* pula, al-Jahiz ialah orang pertama yang menggunakan istilah *al-mithl* (المثل) iaitu sinonim kepada perkataan *al-majaz* (المجاز). Dalam kitab ini beliau juga menjadikan *al-mithl* hiponim kepada perkataan *al-haqiqah* (الحقيقة). Ini dapat difahami daripada pandangannya tentang “api peperangan”, beliau menyebut, “mereka maksudkan api yang lain”. Ia berdasarkan makna *al-mithl* tidak makna *al-haqiqah*; beliau memberikan contoh dua rangkap bait syair di bawah ini bagi memperjelaskan maksud di atas :

يداه يد تنهل بالخير والندى # وأخرى شديد بالأعدى ضريرها
وناراه نار كل ومدفع # وأخرى يصيب المجرمين سعيرها

Maksudnya :

Sebelah tangannya memberikan kebaikan dan nikmat #
manakala tangan sebelah lagi memberikan musuh mudarat
Salah satu apinya adalah api kesusahan dan kemelaratan #
Dan api lain membakar pelaku jenayah

Ibn Mayyadat berkata: Jelaslah di sini, al-Jahiz menggunakan *al-mithl* hiponim kepada *al-haqiqah*, apabila beliau berkata : “ada api yang difahami berdasarkan *al-mithl* tidak berdasarkan *al-haqiqah*”. (Al-Jahiz, t.t.).

Pada kesimpulannya al-Jahiz membahaskan dalam bukunya *uslub al-Bayan* seperti *tasybih* (تشبيه), *isti'arah* (استعارة), *kinayah* (كناية), *haqiqah* (حقيقة) dan *majaz* (مجاز). Begitu juga dengan *al-I'jaz* (إعجاز) yang dituliskan dalam banyak tempat dengan terperinci di samping *al-I'jaz* (إعجاز) di dalam al-Quran. (Mohammad ‘Ali, 1989).

ILMU AL-BADI^c (علم البديع)

Al-Jahiz juga melalui kitabnya *al-Bayan wa al-Tabyin* telah menunjukkan secara khusus bahawa ilmu *al-Badi^c* telah berkembang luas kalangan penyair-penyair zamannya walau pada waktu itu mereka tidak menamakannya secara khusus sebagai *al-Badi^c*. Beliau berkata :

“al-Badi^c hanya terbatas penggunaannya di kalangan kaum Arab kerana itulah bahasa mereka mengatasi semua bahasa dan menandingi semua pertuturan. Seorang penyair yang mengembala menggunakan banyak al-Badi^c dalam syairnya. Basysyar menggunakan al-Badi^c dengan baik dan al-^cItabi pula mengikuti cara Basysyar dalam menggunakan al-Badi^c di dalam syairnya.”
(Al-Jahiz, jld. 4, t.t)

Melalui penelitian terhadap buku yang ditulis olehnya, memang jelas boleh dikatakan al-Jahiz telah membicarakan ilmu *al-Badi^c* secara umum tetapi padat yang mencakupi berbagai bentuk ilmu *al-Badi^c* seperti :

- i. *saja^c* (سجع)
- ii. *iqtibas* (اقتباس)
- iii. *uslub al-hakim* (أسلوب الحكيم)
- iv. aliran pertuturan

Kesemua tajuk ini telah dikupas maknanya dan disertai dengan contoh (Mohamad ^cAli, 1989). Jelas di sini pandangan dan pemerhatian al-Jahiz ke atas unsur-unsur Balaghah yang terdapat di dalam syair dan prosa telah banyak membantunya mencipta istilah-istilah baru dalam ilmu Balaghah yang merintis jalan kepada para sarjana selepasnya untuk mengkaji disiplin ilmu ini.

PENUTUP

Pengkaji ilmu Balaghah sependapat mengakui bahawa al-Jahiz telah banyak memberikan sumbangan ke arah perkembangan ilmu Balaghah. Melalui usaha gigihnya sepanjang tempoh penglibatannya dalam bidang penulisan, beliau banyak memerhati dan menganalisis *kalam* Arab, syair dan prosanya yang membolehkannya membuat pengamatan dan kesimpulan yang mantap dan tepat tentang unsur-unsur Balaghah sekali gus memperkenalkan istilah-istilah baru yang menjadi sandaran kajian bagi generasi selepasnya. Usahanya yang gigih itu lebih berkesan apabila disokong bukan hanya oleh ilmunya yang meluas tentang Balaghah Arab tetapi juga tentang ilmu Balaghah kalangan orang-orang Yunani, Rom, Parsi dan India.

Jalan yang dirintis oleh al-Jahiz adalah merupakan satu anugerah yang besar buat generasi sesudahnya untuk meletakkan istilah dan kaedah yang lebih teratur dan sempurna di dalam ilmu Balaghah. Melalui pengamatannya, sarjana Balaghah mula mendapat gambaran yang jelas tentang unsur-unsur Balaghah yang terdapat dalam syair dan prosa Arab seperti *tasybih* (تشبيه), *isti'arah* (استعارة), *majaz* (مجاز), *saja* (سجع), *uslub al-hakim* (أسلوب الحكيم) dan lain-lain. Kesemua itu telah membantu mereka untuk membentuk sistem Balaghah Arab yang lebih teratur dan kemas dengan mengelaskan setiap unsur Balaghah dalam bahagian tertentu. Usaha yang mereka lakukan itu telah membawa kepada lahirnya pengelasan ilmu *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'* seperti yang kita lihat hari ini.

Sememangnya pengakuan yang dibuat oleh Dr. Syauqi Daif dan Dr. Taha Hussein tentang al-Jahiz sebagai pengasas dan perintis ilmu Balaghah Arab layak diberikan kepadanya malah lebih dari itu al-Jahiz adalah anugerah zamannya dan generasi sesudahnya dalam berbagai cabang ilmu pengetahuan. Ketokohnya ini seharusnya menjadi pencetus semangat dan ikutan generasi selepasnya untuk mengorak langkah membina payar ilmu dan tamadun bangsa khususnya dalam bidang kajian ilmu Balaghah.

RUJUKAN

- ‘Atiq, ‘Abd. al-‘Aziz. (1985). *Fi al-Balaghah al-‘Arabiah*. Beirut : Dar al-Nahdah al-‘Arabiah.
- Mohammad Ali, ‘Abd. al-Hamid Ahmad. dll. (1989). *al-Balaghah al-‘Arabiah wa Tarikhuha*. Kaherah : t. p.
- al-Zayyat, Ahmad Hasan. (1978). *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Beirut : Dar al-Thaqafah.
- al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin ‘Ali al-Khatib. (n.d). *Tarikh Baghdad*. Beirut : Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- al-Jahiz, Abu ‘Uthman ‘Amru bin Bakr bin Mahbub. (n.d). *al-Bayan wa al-Tayin*. Kaherah : Syarikah Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Jahiz, Abu ‘Uthman ‘Amru bin Bakr bin Mahbub. (n.d). *al-Hayawan*. Kaherah : Syarikah Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Jabar, Jamil. 1958. *al-Jahiz wa Mujtama’ ‘Asrih*. Beirut : al-Mataba‘ah al-Katholikiyyah.
- al-Yasu‘i, Victor Shalt. 1946. *al-Nuz‘ah al-Kalamiyyah fi Uslub al-Jahiz*, Kaherah : Dar al-Ma‘arif.

Sulaiman Ismail
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
sulaiman.i@usim.edu.my